

18 MAR 1996

WARTAWAN MALAYSIA LANCAR PROTES TERHADAP MEDIA BARAT

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) hari ini melancarkan kempen memungut tandatangan di kalangan wartawan di seluruh negara bagi membantah media barat kerana melakukan "jenayah etikaewartawanan" dengan memburuk-burukkan negara dan pemimpin Malaysia.

Presiden PWM Yazid Othman berkata hari ini senarai tandatangan yang dipungut itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada "Malam Perdana PWM" 3 April ini.

Media dan wartawan barat, antara lain, menimbulkan prasangka buruk, membuat laporan berat sebelah dan salah fakta, membuat fitnah dan pelbagai tohmahan terhadap pemimpin dan negara ini, katanya dalam satu kenyataan. --
BERNAMA

AZZ NMO